

# Sejarah Komuniti Buruh Estet Cina Di Borneo Utara 1881-1942

Marianne anak Miga  
Universiti Malaysia Sabah  
Emel: Marianne\_miga@yahoo.com.my

## Abstrak

Penulisan awal mengenai komuniti Cina di Borneo Utara semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (1881-1942) lebih menumpukan kepada persoalan klise seperti migrasi komuniti Cina ke Borneo Utara, kawasan penempatan awal komuniti Cina di Borneo Utara, dan sumbangan komuniti Cina ke atas ekonomi di Borneo Utara. Penulisan mengenai suasana kerja buruh-buruh Cina di estet Borneo Utara sering dipinggirkan meskipun terdapat penulisan seperti yang dihasilkan oleh Danny Wong Tze Ken yang mengetengahkan isu buruh-buruh Cina di Borneo Utara. Walau bagaimana pun, isu perburuhan yang diketengahkan lebih menjurus kepada persoalan kehidupan komuniti buruh Cina dari sudut pandangan golongan buruh. Meskipun buruh-buruh Cina yang bekerja di estet tembakau di Borneo Utara bekerja secara kontrak, namun terdapat laporan yang menyatakan berlaku penindasan ke atas mereka yang didalangi oleh pihak majikan. Penulisan ini unik kerana menyediakan dimensi lain dalam sejarah komuniti buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara iaitu memberi penjelasan akan suasana kerja dan layanan majikan terhadap buruh Cina di estet tembakau dari sudut pandangan pihak majikan mahupun pemodal dan dari sudut pandangan komuniti buruh. Begitu pun, diharapkan agar penulisan ini akan menggalakkan penyelidikan lanjut berkenaan sejarah Sabah di masa hadapan.

**Kata kunci:** *Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, suasana kerja, buruh Cina, bekerja secara kontrak, penindasan, estet tembakau, layanan majikan*

## 1. Pengenalan

Pembukaan estet tembakau secara besar-besaran pada akhir tahun 1880-an telah membawa perubahan besar kepada ekonomi di Borneo Utara dan dilihat sebagai penyelesaian kepada masalah ekonomi di Borneo Utara.<sup>19</sup> Lima buah estet tembakau utama di Borneo Utara ketika itu terletak di Teluk Marudu dan di Teluk Darvel.<sup>20</sup> Bagi memaksimumkan penggunaan buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara, pemilik-pemilik estet melaksanakan satu sistem yang dikenali sebagai sistem “Rumah Kecil” ke atas buruh-buruh Cina ini. Pemilik-pemilik estet yang biasanya merupakan pemodal Eropah akan memajakkan tanah kepada tauke-tauke Cina yang bertindak menguruskan tanah itu kemudiannya di samping mengambil buruh-buruh Cina untuk mengerjakan tanah pajakan tersebut.<sup>21</sup> Melalui sistem ini, buruh-buruh estet Cina

---

<sup>19</sup> De Silva, M., Perekrutan Buruh Kontrak Jawa ke Borneo Utara : Sejarah Diplomatik antara Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBUB) dan Kerajaan Hindia Timur Belanda 1890-1932, dalam Azlizan Mat Eng (ed.), *Sejarah Diplomatik*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 2011, hlm. 62.

<sup>20</sup> Seah, S.L., *Perkembangan Sekolah Cina Di Sabah (1888-1970)*, Tesis Ijazah Sarjana Doktor Falsafah : Universiti Sains Malaysia, 2001, hlm. 32.

<sup>21</sup> Danny Wong, T.K., *The Chinese*, Kota Kinabalu : Natural History Publications (Borneo), 2005, hlm. 40.

bekerja di bawah arahan seorang ketua mandur.

Kesemua buruh-buruh Cina di Borneo Utara dikawal di bawah “Estate Coolies and Labourers Protection Proclamation 1883”.<sup>22</sup> Namun demikian, kontrak pekerja tidak disediakan oleh pihak SBBUB sebaliknya disediakan oleh pemodal persendirian.<sup>23</sup> Kebanyakan buruh-buruh Cina di estet tembakau terikat dengan kontrak selama tiga tahun.<sup>24</sup> Pejabat Hal Ehwal Asing SBBUB juga tidak ada menyimpan rekod berkenaan urusan daftar dan pengambilan buruh-buruh Cina di estet tembakau selain hanya memantau aktiviti ekonomi tersebut dan menyediakan garis panduan kemasukan buruh-buruh Cina ke Borneo Utara.<sup>25</sup>

## **2. Keadaan Tempat Kerja Buruh-Buruh Cina Di Estet Tembakau Borneo Utara**

Pada tahun 1893, seramai 176 orang buruh Cina yang menandatangani kontrak untuk bekerja di estet Teluk Marudu, Teluk Darvel, dan Pulau Banguay.<sup>26</sup> Laporan Protectorate 1895 menyatakan bahawa seramai 1911 orang daripada keseluruhan 2883 orang buruh kontrak yang bekerja di estet-estet Borneo Utara merupakan buruh Cina.<sup>27</sup> Jumlah buruh Cina yang bekerja di estet tembakau dan estet-estet lain semakin meningkat saban tahun. Buktinya, Earl Percy Kensington, S. yang merupakan setiausaha di bawah Hal Ehwal Asing di SBBUB melaporkan bahawa pada tahun 1905 sahaja, daripada 13000 orang dewasa Cina di Borneo Utara dan Labuan, sekurang-kurangnya lebih separuh jumlah tersebut bekerja sebagai buruh di estet tembakau dan estet lain-lain.<sup>28</sup>

Salah satu faktor yang menyebabkan peningkatan kemasukan buruh Cina sebagai buruh di estet tembakau Borneo Utara ialah peningkatan taraf kesihatan para buruh di dalam kawasan estet.<sup>29</sup> Walau bagaimana pun, wujud beberapa laporan yang menyatakan buruh-buruh Cina ini sering ditindas melalui isi kontrak yang telah ditandatangani. Hal ini kerana kebanyakan buruh-buruh kontrak tersebut tidak memahami isi kandungan kontrak yang telah ditandatangani.<sup>30</sup> Hal ini juga pernah disuarakan oleh Dr Dennys yang merupakan seorang *Protector of Chinese* dalam laporannya pada tahun 1898. Beliau menjelaskan bahawa buruh-buruh kontrak Cina dipaksa untuk bekerja di estet yang berbeza daripada yang dinyatakan di dalam kontrak mereka.<sup>31</sup>

Dr Dennys turut menjelaskan bahawa teknik penipuan secara sistematik yang dikenakan ke atas buruh-buruh Cina ini sebagai langkah untuk mengelakkan golongan masyarakat Cina berkelas rendah daripada menimbulkan kekecehoan.<sup>32</sup> Hal ini kerana pada era itu, buruh-buruh Cina yang datang ke Borneo Utara atas pengaruh rakan mereka yang sudah bekerja di estet tembakau Borneo Utara sering menimbulkan kekecohan serta masalah dengan mengadakan komplot atau mewujudkan geng kongsi gelap. Walau bagaimana pun, Dr Dennys berpendapat bahawa perlu diadakan siasatan secara terperinci bagi mengenal pasti punca yang mencetuskan masalah yang ditimbulkan oleh buruh-buruh Cina di kawasan estet.<sup>33</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> HC Deb vol 149 cc 261-2, Chinese Coolies in British North Borneo, 11 July 1905.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> HC Deb vol 151 cc 600-1, Coolie Labour in British North Borneo, 8 August 1905.

<sup>26</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Labour in British North Borneo (British North Borneo Herald 1<sup>st</sup> April), 1893, 25<sup>th</sup> April : 8.

<sup>27</sup> *The Straits Times*, Immigration in British North Borneo, 18<sup>th</sup> March : 2.

<sup>28</sup> HC Deb vol 149 cc 261-2, *op. cit.*

<sup>29</sup> HC Deb vol 151 cc 600-1, *op. cit.*

<sup>30</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Labour Complaints in British North Borneo, 1890, 25<sup>th</sup> June : 7.

<sup>31</sup> *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*, Coolies for Borneo, 1899, 18<sup>th</sup> February : 2.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

John dan Jackson pula dalam kajian mereka menjelaskan bahawa kuli kontrak Cina di estet tembakau dan estet getah menghadapi keadaan yang teruk kerana kuli-kuli ini kebanyakannya akan diperhambakan.<sup>34</sup> Golongan kuli yang bakal menamatkan tempoh kontrak akan dipaksa untuk menandatangani kontrak baru.<sup>35</sup> Hanya kuli kontrak yang sakit dan tidak berupaya daripada segi fizikal sahaja yang akan dilepaskan sebaik sahaja tamatnya kontrak bekerja. Perkara ini membawa kepada kewujudan sistem buruh paksa yang menyebabkan kuli-kuli Cina di estet tembakau terikat dengan majikan atas sebab masih berhutang.

### **3. Kebajikan Buruh-buruh Cina di Estet Tembakau Borneo Utara Menurut Pandangan Komuniti Buruh Cina**

William Pryer yang merupakan pengasas kepada Sandakan menjelaskan bahawa buruh-buruh Cina di Borneo Utara yang bekerja dalam sektor perladangan dan pertanian kebiasaannya dibayar gaji sebanyak 2.50 dolar British North Borneo sebulan.<sup>36</sup> Walau bagaimana pun, pemberian gaji bulanan menyebabkan buruh-buruh Cina ini menjadi tidak bertanggungjawab misalnya menanggukkan kerja mereka kerana walaupun mereka tidak bekerja, gaji yang diberikan pada setiap bulan adalah sama. Pengarah Pertanian SBBUB menyatakan bahawa :

*“I am afraid Chinese labour on the present terms will never succeed. They should be paid by the day only; and the years pay advance should be discontinued. For instance, a cooly may show sick (as they often do) and he gets his pay all the same.”<sup>37</sup>*

Akibat daripada masalah yang dinyatakan tersebut, majikan di estet-estet perladangan mula memberikan gaji harian kepada buruh-buruh Cina. Gaji buruh-buruh Cina di estet tembakau ini hanya akan diberikan dengan syarat seseorang buruh itu telah melakukan pekerjaannya. Menurut Danny Wong, masalah-masalah yang sering ditimbulkan oleh buruh-buruh Cina di estet tembakau mempunyai kaitan dengan layanan yang diberikan oleh pihak majikan kepada buruh-buruh tersebut.<sup>38</sup>

Seterusnya, pemberian gaji yang tidak setimpal kepada buruh-buruh Cina di estet tembakau sedangkan hasil keluaran tembakau merupakan sumber utama yang menjana ekonomi Borneo Utara semasa era 1880-an sehingga tahun 1920 telah membawa kepada ketidakpuasan hati dalam kalangan buruh-buruh Cina. Sebagai contoh, pada tahun 1890 terdapat khabar yang menyatakan bahawa pihak SBBUB menetapkan agar majikan di estet-estet perladangan mengurangkan gaji buruh-buruh yang bekerja di estet tembakau.<sup>39</sup> Cadangan untuk mengurangkan gaji tersebut bertujuan untuk mengawal buruh-buruh Cina daripada menimbulkan sebarang masalah di estet tembakau. Walhal pemberian gaji kepada buruh-buruh Cina di estet tembakau sudah sedia sedikit iaitu sebanyak 15 sen sehari untuk buruh yang bekerja sepenuh masa. Manakala sebanyak lima sen daripada gaji buruh-buruh ini akan ditolak sebagai kredit untuk membayar hutang dengan majikan.<sup>40</sup> Buruh-buruh Cina di estet tembakau juga mengadu bahawa tuntutan mereka tidak pernah dilayan oleh pihak majikan.

---

<sup>34</sup> John, D.W. & Jackson, J.C., *The Tobacco Industry of North Borneo : A Distinctive Form of Plantation Agriculture, Journal of Southeast Asian Studies*, 5(1): 88-106, 1973, hlm. 88.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Danny Wong, T.K., *op. cit.*, 2005, hlm. 39.

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Labour Complaints in British North Borneo, 1890, 25<sup>th</sup> June: 7.

<sup>40</sup> *Ibid.*

Di samping itu, buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara juga membuat aduan bahawa berlaku kematian ke atas buruh-buruh Cina di estet setiap hari.<sup>41</sup> Pada 1 Januari sehingga Mei 1890, seramai 290 orang buruh Cina meninggal dunia di estet tembakau London Borneo Company.<sup>42</sup> Kematian ramai buruh Cina di estet tembakau dikatakan berpunca daripada kekurangan bekalan makanan dan kebajikan kesihatan buruh-buruh yang diabaikan oleh pihak majikan.<sup>43</sup> Harga makanan di dalam estet tembakau juga dikatakan mahal. Sebagai contoh, harga beras yang mempunyai jenis kualiti nombor dua ialah sebanyak tiga sen setengah bagi setiap kati, manakala harga bagi ikan segar pula ialah sebanyak tiga hingga empat sen sekati.<sup>44</sup> Harga ikan masin pula ditentukan mengikut jenis kualiti iaitu sebanyak tujuh sen sekati bagi ikan masin jenis kualiti nombor dua dan sembilan sen sehingga sepuluh sen sekati bagi ikan masin jenis kualiti nombor satu. Kos makanan yang ditanggung oleh buruh-buruh Cina di dalam estet tembakau ialah kira-kira 10 sen sehari sedangkan upah harian yang diperolehi oleh buruh-buruh ini ialah sebanyak 10 sen sehari setelah ditolak dengan bayaran kredit hutang sebanyak lima sen. Itupun hanya untuk buruh-buruh yang bekerja sepenuh masa dan keadaan lebih teruk untuk buruh-buruh estet Cina yang sakit dan tidak berupaya untuk bekerja.

Selain itu, terdapat juga laporan yang menyatakan bahawa kematian buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara berpunca daripada sebatan oleh mandur. Buruh-buruh Cina di estet biasanya disebut menggunakan ekor ikan pari yang meninggalkan bisa yang sangat ngilu. Bukan itu sahaja, pihak majikan juga tidak pernah mengendahkan kesihatan buruh-buruh Cina yang bekerja dengan mereka walaupun luka pada badan buruh-buruh ini masih belum sembuh. Laporan daripada buruh-buruh Cina tersebut telah menyebabkan Weir meminta setiausaha di bawah Hal Ehwal Asing SBBUB memberikan jaminan untuk menetapkan peraturan agar pihak majikan di estet-estet tembakau tidak terus melakukan sebatan ke atas buruh-buruh estet.<sup>45</sup> Walau bagaimana pun, setiausaha di bawah Hal Ehwal Asing SBBUB ketika itu, Earl Percy menyatakan bahawa pihak beliau tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan hal tersebut.<sup>46</sup> Pihak SBBUB juga menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai maklumat atau rekod berhubung laporan kematian buruh-buruh estet yang disebabkan oleh penindasan daripada pihak majikan.<sup>47</sup>

Kemudahan kesihatan di dalam kawasan estet tembakau juga tidak disediakan oleh pihak majikan. Jika adapun ubat-ubatan yang dijual, harga ubat-ubatan tersebut ialah pada kadar yang sangat mahal. Laporan daripada buruh Cina yang bekerja di estet tembakau Borneo Utara ada menyatakan bahawa buruh-buruh Cina ini sanggup menggadaikan semua harta mereka hanya untuk mendapatkan ubat batuk. Kedaifan kemudahan kesihatan di dalam kawasan estet tembakau mendorong kepada peningkatan kematian dalam kalangan buruh Cina di kawasan estet. Buruh-buruh Cina ini juga ditempatkan di dalam berek yang sempit di dalam kawasan estet tembakau menyebabkan ketidakselesaan dan potensi yang tinggi untuk penularan penyakit “Tuberculosis” atau batuk kering secara meluas dalam kalangan buruh-buruh Cina. Kesihatan buruh-buruh Cina di estet ini bertambah buruk lagi dengan penularan epidemik “influenza” pada tahun 1918 yang melanda Tanah Melayu sehingga merebak ke Borneo Utara.<sup>48</sup> Epidemik tersebut menyebabkan 40 peratus daripada penduduk di Sandakan, Tawau,

---

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Letter to The Editor : Labour Difficulties in British North Borneo, 1890, 16<sup>th</sup> July : 11.

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> HC Deb vol 150 cc 1334-5, Treatment of Chinese Coolies in British North Borneo, 2 August 1905.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> HC Deb vol 149 c 861, Chinese Labour in British North Borneo, 17 July 1905.

<sup>48</sup> Liew, K.K., Terribly Severe Though Mercifully Short : The Episode of The 1918 Influenza in British Malaya, *Modern Asian Studies*, 41(2): 221-254, 2007, hlm. 227.

dan Kudat menerima kesan.<sup>49</sup> Manakala, buruh-buruh yang paling terjejas akibat epidemik tersebut ialah dari kalangan buruh-buruh estet getah di Jesselton khususnya estet-estet yang terletak di sepanjang jalan keretapi menuju ke Keningau, Tambunan, dan Ranau.<sup>50</sup> Buruh-buruh Cina di estet tembakau juga menerima tempias daripada epidemik tersebut.

Malahan, buruh-buruh Cina di estet tembakau juga dikatakan sering menjadi mangsa buruh paksa apabila diarahkan untuk memperbaharui kontrak meskipun buruh-buruh tersebut sepatutnya mempunyai pilihan untuk dibebaskan setelah tempoh kontrak tamat. Keadaan kebajikan buruh-buruh Cina di estet ini yang tidak terbela dapat digambarkan melalui kenyataan Gabenor SBBUB yang ditunjukkan kepada Lembaga Pengarah SBBUB pada tahun 1891 :

*“There is scarcely a coolie on Van Marle’s, Bruch’s or Voornijk’s estate who has not been entitled once or oftener to have his contract cancelled in consequence of brutality, starvation, neglect to supply medicine or food, and absolute fraud in the matter of wage payment ... Van Marle’s estate has been carried on apparently upon a system of the most incredible mortality. The coolies have been swindled, cheated and half starved. They have been flogged in the most merciless manner, and have been refused medical treatment when suffering from the wound inflicted upon by the flogging whip, the tail of a stingray. The manager (now in prison) has utterly ignored all orders given him by the protector.”<sup>51</sup>*

Kehidupan sebagai buruh di dalam estet tembakau meskipun lebih baik daripada kehidupan di China, namun layanan teruk yang diterima oleh buruh-buruh Cina di estet tembakau sudah menjadi perkara biasa. Penderaan ke atas buruh-buruh Cina ini mengakibatkan reaksi negatif daripada buruh-buruh sehingga mereka mula melakukan keganasan yang menyebabkan kematian pengurus atau mandur di estet.<sup>52</sup> Penindasan-penindasan yang dilakukan ke atas mereka ini juga akhirnya membawa kepada perkembangan pertubuhan gelap di dalam estet tembakau. Borneo Utara tidaklah benar-benar menjanjikan golongan buruh Cina ini dengan peluang ekonomi yang lumayan pada peringkat awal kedatangan mereka.

#### **3.4 Kebajikan Buruh-buruh Cina di Estet Tembakau Borneo Utara Menurut Pandangan Komuniti Majikan/Pemodal**

Keadaan tempat kerja dan kebajikan buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara dari sudut pandangan SBBUB dan pihak majikan pula berbeza berbanding sudut pandangan komuniti buruh Cina di estet tembakau. Misalnya, SBBUB menyatakan bahawa pihak mereka telah mengarahkan pihak majikan estet tembakau untuk meningkatkan taraf kehidupan buruh-buruh Cina di Borneo Utara. Pengarah Urusan

London Borneo Tobacco Co. (Ltd), Count Charles de Geloos d’Elsloo menjelaskan bahawa pihak estet tembakau di bawah kendaliannya telah melakukan satu tindakan untuk mengelakkan penempatan buruh-buruh estet di dalam kawasan hutan bagi mengatasi masalah penularan penyakit tropika dalam kalangan buruh-buruh estet tersebut.<sup>53</sup> Beliau juga menyatakan bahawa estet London Borneo Tobacco sebagai antara estet tembakau yang terbaik dari segi taraf kesihatan buruh-buruh.<sup>54</sup>

---

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> Danny Wong, T.K., *op. cit.*, 2005, hlm. 41.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> *Straits Times Weekly Issue*, London Borneo Tobacco Co. (Ltd), 1890, 28<sup>th</sup> January : 5.

<sup>54</sup> *Ibid.*

Malahan, laporan daripada pihak majikan estet tembakau yang dihantar kepada SBBUB ada menjelaskan bahawa kadar kematian buruh-buruh Cina di estet tembakau semakin menurun sejak tahun 1890 terutama di kawasan estet tembakau Sungai Kinabatangan dan Teluk Marudu.<sup>55</sup> Pihak majikan di Kudat contohnya mewajibkan pemeriksaan kesihatan secara berkala ke atas buruh-buruh Cina di estet tembakau dan pemeriksaan kesihatan di Kudat tersebut dijalankan oleh Dr. G. Wilson.<sup>56</sup> Pada Disember tahun itu juga menunjukkan tiada sebarang kematian dicatatkan di hospital yang melibatkan penindasan ke atas buruh-buruh Cina di estet tembakau Kudat.<sup>57</sup> Jika ada pun kematian yang melibatkan buruh-buruh Cina di estet tembakau Kudat, hal tersebut bukan disebabkan penderaan yang dilakukan oleh pihak majikan ke atas mereka sebaliknya buruh-buruh tersebut memang sudah mempunyai penyakit sebelum datang ke Borneo Utara.<sup>58</sup>

Seterusnya laporan daripada British North Borneo Official Gazette pada 1 Mei 1892 pula menjelaskan bahawa kematian buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara bukan disebabkan penindasan yang dilakukan oleh pihak majikan ke atas mereka. Sebaliknya, kematian tersebut berpunca daripada penyakit sedia ada serta jenayah yang meragut nyawa buruh-buruh Cina tersebut.<sup>59</sup> Pada tahun 1891, kemarau telah melanda Borneo Utara dan menjejaskan aktiviti ekonomi di dalam estet tembakau.<sup>60</sup> Kemarau tersebut sedikit sebanyak menjejaskan kesihatan buruh-buruh estet Cina akibat kekurangan bekalan air bersih. Walau bagaimana pun, pada tahun 1891 taraf kehidupan buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara semakin baik dan pihak SBBUB juga telah mengambil langkah untuk menghapuskan perdagangan hamba yang melibatkan buruh-buruh estet.<sup>61</sup>

Pihak SBBUB menyatakan bahawa meskipun wujud kematian dalam kalangan buruh-buruh Cina di estet tembakau Borneo Utara, kadar kematian tersebut tidak boleh dianggap sebagai kadar yang tinggi dan mencemaskan kerana perkara tersebut sekadar perkara yang biasa berlaku di mana-mana kawasan estet.<sup>62</sup> Kadang-kala, kematian buruh-buruh di estet ini juga dikatakan berpunca daripada kecuaihan buruh itu sendiri. Misalnya terdapat segelintir buruh-buruh estet yang akan memungut akar, daun, atau apa sahaja dari hutan yang kemudiannya dimakan sehingga menyebabkan buruh-buruh ini keracunan dan meninggal dunia.<sup>63</sup>

Seterusnya, bagi menjawab isu kekurangan bekalan makanan di dalam estet tembakau, pihak majikan menjelaskan kepada kerajaan SBBUB bahawa isu kekurangan bekalan makanan tidak sepatutnya menjadi masalah kerana setiap estet mempunyai kebun sayur-sayuran. Tanaman-tanaman yang biasa ditanam di kebun sayur tersebut ialah seperti kacang, sengkayang Cina, labu, dan lain-lain.<sup>64</sup> Buruh-buruh Cina yang mempunyai masalah untuk membiayai kos sara hidup mereka sama ada mempunyai ketagihan terhadap candu atau berjudi. Maknanya, pihak majikan tidak melihat bahawa masalah buruh di estet tembakau tersebut sebagai berpunca daripada kelemahan di pihak mereka.

Selain itu, pihak majikan di kawasan estet tembakau juga ada menjawab berkenaan isu buruh-buruh Cina yang disebut. Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh surat khabar *The Straits Times* pada 31 Januari 1903, sebatan ke atas buruh-buruh di estet tembakau perlu untuk kes tertentu berikutan terdapat segelintir golongan buruh di estet tembakau yang

---

<sup>55</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Estate Coolie Mortality in British North Borneo, 1891, 26<sup>th</sup> May : 3

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> *Straits Times Weekly Issue*, British North Borneo Official Gazette, 1892, 24<sup>th</sup> May : 10.

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> *The Straits Times*, Mortality Rate in Tobacco Estate, 1901, 9<sup>th</sup> February : 2.

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Tobacco Growing in British North Borneo, 1891, 26<sup>th</sup> May : 10.

ketagihan candu dan lalai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.<sup>65</sup> Kebiasaannya tugas untuk menyekat buruh-buruh ini diberikan kepada “safeguargds” atau pengawal keselamatan yang menjaga sesebuah estet tersebut.<sup>66</sup> Polisi tersebut cuba dihalang melalui cadangan Protector of Chinese, namun demikian tiada sebarang maklumat mengenai susulan cadangan tersebut.

Tambahan juga, pihak majikan turut memberikan respon ke atas surat aduan yang diberikan oleh buruh Cina kepada sidang editorial Straits Times yang diterbitkan pada 16 Julai 1890 berhubung kesukaran dan penindasan yang dialami oleh buruh-buruh Cina di estet tembakau.<sup>67</sup> Pihak majikan mempertahankan diri mereka dengan menyatakan bahawa pihak mereka sentiasa memastikan buruh-buruh ini dilayan mengikut syarat yang telah ditetapkan di dalam kontrak.<sup>68</sup> Malahan, bagi buruh Cina yang hanya bekerja separuh hari, upah sebanyak 10 sen akan diberikan meskipun upah penuh ialah sebanyak 15 sen menunjukkan sifat pemurah majikan ke atas buruh-buruh ini. Bagi menghadapi masalah bekalan makanan, pihak majikan juga menjalankan usaha untuk membayar kepada kerajaan SBBUB agar menghantarkan bekalan makanan ke estet tembakau seperti yang pernah dilakukan oleh The Geeleh Contractor.<sup>69</sup> Pihak SBBUB serta pihak majikan beranggapan bahawa mereka sudah berusaha untuk memperbaiki taraf kehidupan buruh-buruh Cina estet tembakau di Borneo Utara.

## **5. Kesimpulan**

Kesimpulannya, isu penindasan serta layanan majikan terhadap buruh-buruh Cina di estet Borneo Utara banyak diketengahkan pada tahun 1890-an sehingga tahun 1910 khususnya yang melibatkan estet tembakau. Kehidupan sosial masyarakat di dalam estet tembakau sering dilihat sebagai bermasalah dek kerana masalah ketagihan candu yang sering dialami oleh buruh-buruh estet tembakau.

Kedua-dua pandangan dari atas dan pandangan dari bawah sedikit sebanyak menjawab persoalan tentang layanan majikan terhadap buruh-buruh Cina di kawasan estet Borneo Utara. Pandangan dari bawah berkenaan isu layanan majikan dan kebajikan buruh Cina di estet tembakau lebih cenderung untuk menyalahkan pihak majikan atau kerajaan SBBUB. Aduan penindasan oleh majikan di estet tembakau yang dilaporkan oleh buruh-buruh Cina memberikan impak yang mendalam kepada industri tembakau di Borneo Utara sehingga menjadi perhatian media ketika zaman itu.

Laporan-laporan yang wujud juga telah meninggalkan persepsi yang sangat buruk dari kerajaan China terhadap koloni-koloni British termasuk Borneo Utara sehingga kerajaan China meminta jaminan daripada pihak SBBUB untuk mewujudkan perjanjian perlindungan kepada rakyatnya yang bekerja di koloni British. Laporan-laporan tersebut mendapat respon balas daripada pihak majikan dan SBBUB yang menyatakan jumlah kematian buruh-buruh Cina yang ramai di Borneo Utara bukan berpunca daripada kelemahan majikan atau pihak SBBUB sebaliknya disebabkan oleh perkara-perkara lain dan mereka telah sedaya upaya untuk mengatasinya.

Akhir sekali, isu penindasan buruh Cina di estet tembakau telah memberikan impak yang begitu besar terhadap industri tembakau di Borneo Utara sekaligus menjatuhkan industri tembakau di Borneo Utara. Kemunculan tanaman getah kemudiannya mengatasi industri tembakau sekaligus merencanakan semula sektor ekonomi di Borneo Utara. Kemunculan

---

<sup>65</sup> *The Straits Times*, Flogging Coolies, 1903, 31 January : 3.

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> *Straits Times Weekly Issue*, Letter to The Editor : Labour Difficulties in British North Borneo, 1890, 16<sup>th</sup> July : 11.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

tanaman getah juga kemudiannya telah memberi peluang kepada buruh-buruh Cina untuk menjadi pekebun kecil.

### **Rujukan**

- a. ARKIB DIGITAL UK PARLIAMENT , [hansard.millbanksystems.com](http://hansard.millbanksystems.com)  
HC Deb vol 149 cc 261-2. Chinese Coolies in British North Borneo. 11 July 1905.  
HC Deb vol 149 c 861. Chinese Labour in British North Borneo. 17 July 1905.  
HC Deb vol 151 cc 600-1. Coolie Labour in British North Borneo. 8 August 1905.  
HC Deb vol 150 cc 1334-5. Treatment of Chinese Coolies in British North Borneo. 2 August 1905.
- b. ARKIB DIGITAL NEWSPAPER SG , [eresources.nlb.gov.sg](http://eresources.nlb.gov.sg)  
*Straits Times Weekly Issue*. Labour in British North Borneo (British North Borneo Herald 1<sup>st</sup> April). 1893. 25<sup>th</sup> April : 8.  
*Straits Times Weekly Issue*. Labour Complaints in British North Borneo. 1890. 25<sup>th</sup> June : 7.  
*Straits Times Weekly Issue*. Labour Complaints in British North Borneo. 1890. 25<sup>th</sup> June: 7.  
*Straits Times Weekly Issue*. Letter to The Editor : Labour Difficulties in British North Borneo. 1890. 16<sup>th</sup> July : 11.  
*Straits Times Weekly Issue*. London Borneo Tobacco Co. (Ltd). 1890. 28<sup>th</sup> January : 5.  
*Straits Times Weekly Issue*. Estate Coolie Mortality in British North Borneo. 1891. 26<sup>th</sup> May : 3.  
*Straits Times Weekly Issue*. British North Borneo Official Gazette. 1892. 24<sup>th</sup> May : 10.  
*Straits Times Weekly Issue*. Tobacco Growing in British North Borneo. 1891. 26<sup>th</sup> May : 10.  
*Straits Times Weekly Issue*. Letter to The Editor : Labour Difficulties in British North Borneo. 1890. 16<sup>th</sup> July : 11.  
*The Straits Times*, Mortality Rate in Tobacco Estate. 1901. 9<sup>th</sup> February : 2.  
*The Straits Times*. Flogging Coolies. 1903. 31 January : 3.  
*The Straits Times*. Immigration in British North Borneo. 1896. 18<sup>th</sup> March : 2.  
*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)*. Coolies for Borneo. 1899. 18<sup>th</sup> February : 2.
- c. BUKU  
Danny Wong, T.K. 2005. *The Chinese*. Kota Kinabalu : Natural History Publications (Borneo).  
De Silva, M. 2011. Perekrutan Buruh Kontrak Jawa ke Borneo Utara : Sejarah Diplomatik antara Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBUB) dan Kerajaan Hindia Timur Belanda 1890-1932, dalam Azlizan Mat Eng (ed.), *Sejarah Diplomatik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.



*SOCIAL SCIENCES POSTGRADUATE INTERNATIONAL SEMINAR (SSPIS) 2015*  
*e-ISBN 978-967-11473-2-0*

John, D.W. & Jackson, J.C. 1973. The Tobacco Industry of North Borneo : A Distinctive Form of Plantation Agriculture. *Journal of Southeast Asian Studies*. **5**(1): 88-106.

Liew, K.K. Terribly Severe Though Mercifully Short : The Episode of The 1918 Influenza in British Malaya. *Modern Asian Studies*. **41**(2): 221-254. 2007.

Seah, S.L. 2001. *Perkembangan Sekolah Cina Di Sabah (1888-1970)*. Tesis Ijazah Sarjana Doktor Falsafah : Universiti Sains Malaysia.